

# MEDAN BAHASA

Profesor Fonetik

## dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang telah bersidang pada bulan September yang lalu sudahlah tamat dengan meninggalkan riwayat kenangan-kenangan suka dan duka. Suka kerana tercapainya beberapa kejayaan dalam persuratan, dan duka kerana di antara kejayaan-kejayaan itu ada yang palsu, disebabkan setengah daripada ahli-ahli bahasa kita menjadi pak turut belaka sehingga ada yang tidak dapat mempertahankan apa yang dianjurkan dan apa yang telah ditulis dalam kertas kerjanya, bahkan apa yang telah dibina bertahun-tahun telah diruntuhkan dengan tangannya sendiri.

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Dalam soal penyatuan bahasa Melayu Semenanjung dengan bahasa Indonesia, dua kertas kerja telah dikemukakan dan dibincangkan dalam Kongres. Yang pertama kertas kerja yang menggembarakan aliran Pendita Za'ba, dikemukakan oleh "Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya", dan yang kedua, kertas kerja yang menggembarakan aliran Prof Dr Priyono, dikemukakan oleh Tuan Asraf.

Tentang kertas kerja Asraf menggembarakan aliran Priyono, rasanya tidak menjadi rahsia – bagi orang-orang yang rajin menyiasat – kerana kebanyakan isi kertas kerja itu, baik tentang ejaan ataupun fonetik, telah divedok bulat-bulat dari kertas

freeadpis Prof Priyono yang telah dipaparkan dalam Kongres Bahasa Indonesia di Medan dalam tahun 1954 dahulu.

Itulah sebabnya tatkala penulis rencana ini, menentang isi kertas kerja Asraf dalam kongres, menjadikan Prof Dr Priyono lupa daratan, lalu menyerang warga negara Indonesia keturunan Arab, dengan suatu cara yang ceroboh.

Tindakan Prof Priyono itu sebenarnya telah menelanjangi dirinya sendiri dan memberi malu kepada negara dan pemerintah yang diwakilinya.

Perbuatan Prof Priyono mendabik dada di Istana Johor – pada hari penutup Kongres

– dan menyindir-menyindir Tuan Hamka, musuh politiknya, makin menjadikan sidang Kongres meluat mendengar kata-kata yang dihamburkannya.

“Perbuatan Dr Priyono, adalah menepuk air di dulang” kata seorang peserta Kongres dari utara, sambil turun dari tangga Istana Johor.

“Malu! Malu! Sangat memalukan!” kata pula saudara Masuri S.N. sasterawan muda dan ahli sajak yang terkenal dari Angkatan Sasterawan 50.

\*

Apa saya akan tulis? Bertanya saya dalam hati. Soal ejaan dan politik? Tetapi soal ini, Tuan Za’ba ada terlibat di dalamnya, dan beliau sekarang sedang berehat kerana terlalu teruk bekerja. Jadi biarkan dahulu sehingga beliau sihat walafiat dan pulih seperti sediakala.

Saya rasa siaran akhbar Utusan Melayu (18 September 1956) yang menyiarkan serangan Profesor Priyono menghentam warga negara Indonesia keturunan Arab, adalah satu mauduk yang seronok juga dirakamkan dalam Majalah Qalam ini untuk kenangan-kenangan sejarah.

Tetapi mengapa Prof Priyono menyimpang dari soal bahasa kepada soal bangsa dan keturunan? Adakah dia sudah kalif? Dan mengapa akhbar Utusan menyiarkan berita bodoh itu di muka hadapan dengan huruf besar? Pada hal akhbar itu saya lihat hampir-hampir menjilat Priyono? Sedang beritanya itu hanya memalukan Profesor yang tersebut dan memalukan negara dan pemerintah – Indonesia!

Sebagai Hitler, Prof Priyono bertempik dalam Kongres Bahasa Melayu di Singapura:

“Apabila kami di Indonesia, ingin mengindonesiakan kata-kata Arab, tentu ada warga

negara Arab yang lahir dan mendapat kepentingan di Indonesia akan marah....!

“Orang-orang asing yang menjadi warga negara, wajib menghormati cita-cita nasional Indonesia. Kalau tidak, lebih baik keluar dari Indonesia!”

Amboi garangnya! Kata seorang rakan yang terpinga-terpinga mendengarnya.

“Biarkan si Luncai terjun dengan labu-labunya. Biarkan, biarkan.” Sahut saya sambil tersenyum.

Kalau saya warga negara Indonesia, tentu saya akan menjawab begini: Cita-cita nasional yang dipuja-puja oleh Pak Priyono apa isinya? Setahu saya umat Islam Indonesia hanya mengenal nasional yang isinya Islam. Sebab kepada mereka nasional itu jasad, dan ruhnya ialah Islam. Jasad yang tidak bernyawa hanya layak dikuburkan.

Kalau saya warga negara Indonesia, tentu saya akan menjawab lagi: Tak usahlah Pak Priyono melepaskan dendam kepada warga Indonesia keturunan Arab, kerana perbuatan itu sia-sia sahaja, dan tidak ada siapa-siapa yang akan merasa sakit melainkan diri Pak sendiri. Sanggupkah Pak Priyono menyondol tembok? Sebenarnya warga negara Indonesia keturunan Arab telah membina khidmat-khidmat yang cemerlang di segenap pelusuk Kepulauan Indonesia. Dalam segi mana sahaja Prof Priyono akan tersua dengan khidmat dan perjuangan mereka: dalam khidmat penyebaran Islam, dalam perjuangan menentang penjajah, dalam gerakan politik, dalam dunia persuratkhbaran, dalam alam pendidikan, dalam lapangan bahasa dalam sastera, dalam medan kebudayaan, dan lain-lainnya. Sejarah perjuangan mereka telah tertulis dengan tinta emas dari dahulu hingga hari ini.

Semuanya itu menjadi tampan yang pedih kepada orang-orang yang berdasar “habis manis sepah dibuang”

seperti Pak Priyono.

Kalau saya warga negara Indonesia, tentu saya menjawab lagi: Hendaklah Prof Priyono dan orang-orang yang sealiran dengannya mengetahui, bahawa warga negara Indonesia keturunan Arab bukanlah orang asing di Indonesia. Mereka mempunyai hak dan kewajiban tidak kurang barang satu darah daripada hak dan kewajiban Prof Priyono sendiri. Mereka berkewajiban tunduk kepada cita-cita yang baik – cita-cita Islam – dan berhak pula menolak aliran yang jahat dan beracun seperti yang sedang dihidangkan oleh Prof Priyono.

Aliran yang sedang dikemukakan oleh Prijana, sesungguhnya ialah aliran Jawa Hindu bercampur dengan aliran Kristian.

Aliran Priyono ialah aliran yang telah dirancangan oleh Prof “Snouck Hurgronje”, orientalis Belanda yang terkenal sebagai musuh Islam yang nombor wahid!

Itulah sebabnya orang-orang Islam yang rajin siasat dan celik mata hatinya, menentang dan menolak bulat-bulat akan aliran yang berniat jahat itu, aliran yang hendak menghapuskan corak dan kesan-kesan Islam dalam persuratan Melayu dan Indonesia.

Prof Priyono sebagai mengetahui akan suatu hakikat yang terang benderang seperti matahari. Warga negara Indonesia keturunan Arab telah meleburkan diri dalam masyarakat Indonesia semenjak beratus-ratus tahun dahulu, sehingga ada di antaranya yang tidak dikenal lagi asal keturunannya jika tidak disiasat dan dibongkar silsilahnya.

Misalnya, siapa menyangka bahawa al-Marhum Haji Agus Salim, orang besar Indonesia yang kebilangannya itu: keturunan Arab?

Al-Marhum Haji Agus Salim, al-Fadil Sheikh

Tahir Jalaluddin, ulama yang masyhur, yang masih hidup dalam masyarakat Tanah Melayu hari ini, dan Syed Abdul Hamid al-Khatib duta Saudi di Pakistan, adalah ketiga-tiganya keturunan Arab, keturunan Syeikh Abdullah yang telah bermastautin di Indonesia semenjak 150 tahun yang lalu. (Baca Utusan Melayu 5 November 1948).

Siapa sangka “Sunan Kunang Jati” pahlawan Indonesia yang masyhur, yang telah menghancurkan angkatan Portugis di Sunda Kelapa (Jakarta) dalam tahun 1527 dan kemudiannya menghancurkan kerajaan Hindu di Pajajaran Jawa Barat itu, berasal dari keturunan Arab?

Sunan Kunang Jati yang mempunyai sejarah gemilang ini, wahai Pak Priyono, ialah keturunan Arab peranakan Aceh dan bekas pelajar Islam di tanah suci Mekah al-Mukarramah. Beliaulah yang telah menamakan Sunda Kelapa itu dengan nama “Jakarta” ibu negeri Republik Indonesia hari ini. (Baca akhbar “Abadi” Jakarta 15 Oktober 1956).

Di antara kaum bangsawan Minangkabau ada yang bergelar “Sidi” dan “Bagindo”. Mereka yang mempunyai gelaran-gelaran ini ialah keturunan Arab.

Sungguhpun masih banyak lagi kalau saya mahu tulis, bahkan Tuan Ali Sastroamidjojo, Perdana Menteri Indonesia yang sedang berkuasa pada hari ini, ialah keturunan Arab dari keluarga “Basyeiban” (Baca Majalah “Hikmah” Jakarta, keluaran 23 April 1955).

Keturunan Arab tidak pernah mendabik dada seperti Prof Priyono. Keturunan Arab sentiasa meleburkan diri dalam masyarakat di mana sahaja mereka berada. Tetapi jangan lupa! Mereka tidak akan membiarkan musuh-musuh Islam bermaharajalela. Dan tidak akan tunduk kepada aliran yang hendak memperkosa ajaran

Islam dan kebudayaannya.

Ingin juga saya bertanya kepada Prof Dr Priyono: Apa isi cita-cita nasional yang dipuja-puja oleh beliau, dan mengapa sedang ditentang keras oleh berjuta-juta umat Islam Indonesia dari berbagai-bagai parti Islam dan dari berbagai-bagai suku – Jawa, Melayu, dan lain-lainnya.

Dalam soal ini, saya rasa tulis penulis Indonesia yang terkenal, “Abu Ubaidah”, yang buah penanya sentiasa memenuhi ruangan “Dari Sahabat ke Sahabat” dalam mingguan “Hikmah” Jakarta, adalah menjadi sebaik-sebaik jawapan.

Dalam mingguan “Hikmah” 1 September 1956, antara lain Abu Ubaidah menulis:

“Bahawa semua golongan di Indonesia harus bersatu padu mendokong negara republik kita dengan persatuan nasional yang erat kukuh, itu sudah terang. Namun demikian, tentu tidak boleh diertikan bahawa tiap-tiap golongan itu harus mengorbankan ideologi masing-masing. Demokrasi memberi keleluasaan bagi tiap-tiap penganut sesuatu ideologi untuk memperjuangkannya secara *parliamentary* yang legal dan sah. Maka kalau kaum Kristian berusaha mengisi dasar negara kita dengan ajaran *Christianism*, itu haknya. Kaum komunis juga berhak memperjuangkan ajaran-ajaran Marxisme supaya terpakai dalam negara kita. Kaum Buddha – Jawi atau yang lazim disebut aliran “Javanisme” juga tak ada halangannya berusaha supaya dasar-dasar negara kita bersemangat kebuddhaan atau setidaknya mendokong semangat Majapahit, walaupun jumlah penganut agama Buddha pada masa ini tidak berapa banyak. Seterusnya golongan Islam juga berhak penuh memperjuangkan konsep Islam supaya menjadi dasar negara kita yang kebanyakan penduduknya beragama Islam.”

Seterusnya penulis yang tajam penanya itu menulis “Tidaklah *supportive* (adil – p.) kalau dengan semboyan “persatuan nasional” maka parti yang berdasar nasional (isme) hendak memaksakan konsepnya sendiri, misalnya Pancasila atau marhehinisme, supaya diterima bulat-bulat oleh golongan lain yang punya cita-cita lain, dengan menakut-nakuti bahawa kalau-kalau konsepnya tidak diterima, maka persatuan nasional akan retak dan negara akan ambrok (runtuh – p.) dari dalam.

“Hanya orang-orang bodoh yang dapat dipertakuti dengan hantu buatan-buatan semacam itu. Yang berfikir luas dan kritis, akan angkat bahu. Mereka tahu, bahawa dalam hal semacam itu, nasionalisme sebagai *big rip*, sebagai pengertian adanya bangsa, natie, ras, kebangsaan, hendak dijatuh atau ditunggangi oleh golongan tertentu yang kebetulan partnya bernama “nasional” hingga pengertian kebangsaan hendak dijadikan suatu ideologi, suatu isme, suatu pandangan hidup, suatu keyakinan hidup yang hendak disejajarkan dengan isme-isme lain seperti Islamisme, komunisme, sosialisme, liberalisme, dan lain-lain....”

Penulis Indonesia yang berjiwa Islam itu menutup penulisannya dengan berkata:

“Untunglah, kalangan kita kaum Muslimin tidak ada kekacauan berfikir mengenai faham-faham kehidupan. Kalau ada satu parti Islam (misalnya Masyumi) mendasarkan perjuangan pada cita-cita Islamisme atau negara Islam, maka parti Islam lainnya juga berpegang pada dasar Islamisme, tidak ada yang mahu cuba-cuba mengganti nama Islamisme dengan nama lain yang bersifat keindonesiaan...”

Sekian dahulu untuk Prof Dr Priyono.